

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Teknologi: Mentor syor ditubuh persatuan ASEAN

SHAH ALAM, Khamis — Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud mencadangkan ditubuh Persatuan Institusi Teknologi ASEAN (AATI) sebagai forum ke arah memperkemas dan membaiki program pelajaran teknologi di negara-negara ASEAN.

Beliau menarik perhatian program pelajaran teknologi harus ditekan ke arah mengeluarkan ahli-ahli teknokrat dan profesional yang mampu melaksanakan pembangunan yang sesuai dengan suasana kebudayaan, ekonomi dan politik negara.

"Dengan ini, barulah pembaharuan yang dibuat sesuai dengan keadaan budaya, ekonomi, politik dan kemasyarakatan tanpa kesan yang tidak dikehendaki," tegasnya semasa berucap merasmikan seminar "Teknologi pelajaran di negara-negara Asean dalam tahun 80-an" di Institut Teknologi MARA (ITM) di sini hari ini.

Menurut Datuk Dr. Sulaiman, ahli-ahli teknokrat di masa depan haruslah boleh merangka dengan selimbang dan munasabah pembangunan teknologi.

Bagi menghasilkan kejayaan itu, katanya, adalah perlu sebuah persatuan yang membukakan keahliannya kepada institusi teknologi di semua negara Asean ditubuhkan.

Menteri Pelajaran mengingatkan, pelajaran teknologi tidak harus menitikberatkan kepada latihan profesional dan juruteknik yang mahir membina jambatan panjang dan menyelia mesin saja.

Proses pembangunan teknologi, jelasnya hendaklah berkembang dengan dasar kukuh, kerana pelaksanaan dan perancangan teknologi, industri dan pembangunan ekonomi adalah satu proses kompleks.